

## **PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD. RAHMAN (SIK)**

**TARIKH : 4.04.2016**

**SOALAN NO. : 24**

Tuan Yang DiPertua,

**Yang Berhormat Dr. Mansor bin Abd. Rahman minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam mengawal kenaikan harga barang import disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit.**

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagai sebuah ekonomi yang kecil dan terbuka, Malaysia adalah mudah terdedah kepada risiko ekonomi global dan ketidaktentuan. Kejutan ekonomi yang dialami dalam beberapa dekad yang lalu telah dicetuskan oleh faktor-faktor luaran seperti kejatuhan harga komoditi dunia pada tahun 1985 , krisis kewangan Asia pada 1997/1998 dan krisis subprima pada tahun 2009. Namun begitu, Malaysia berjaya pulih dalam masa setahun krisis, yang

menunjukkan daya tahan ekonominya. Selain kitaran ekonomi global yang lebih pendek, Malaysia juga menghadapi prospek penurunan mendadak harga komoditi eksport utama, susut nilai ringgit berbanding dengan mata wang utama, dan risiko kelembapan ekonomi rakan dagangan utamanya.

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak mempunyai mekanisma dalam pengawalan harga import kerana ianya berdasarkan permintaan semasa. Walaubagaimanapun kerajaan membantu syarikat-syarikat pengusaha tempatan dari segi pengecualian duti import bagi bahan mentah, mesin dan peralatan bertujuan untuk membantu mengurangkan kos pengeluaran agar keluaran siap dapat dijual dengan harga lebih kompetitif terutamanya bagi saingan di pasaran global.

Selain daripada pengecualian duti import, Kerajaan juga telah mewujudkan kaedah *duti drawback* di mana syarikat-syarikat tempatan yang mengimport dan terlibat dalam urusan *re-export* dapat membuat tuntutan semula bayaran ke atas duti barang import yang di eksport semula ke pasaran global.

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui Rancangan Malaysia Ke-11, Kerajaan telah memperkenalkan beberapa langkah-langkah bagi mengurangkan kebertanggungan negara ke atas barang import. Antaranya adalah:

1. Memberikan insentif dan sokongan yang berdasarkan prestasi kepada perusahaan yang berjaya mencapai sasaran produktiviti melalui:
  - program pembangunan kapasiti; dan
  - membantu syarikat-syarikat menambahbaik proses kerja melalui penggunaan teknologi dan peningkatan kemahiran pekerja;
2. Menggalakkan pelaburan bagi menerajui pertumbuhan ekonomi dengan
  - memudahkan tatacara kos menjalankan perniagaan;
  - beralih kepada produk yang bernilai tambah tinggi dalam sektor pembuatan; dan
  - memodenkan sektor pertanian dengan teknologi moden, keupayaan agropreneur dan akses kepada pasaran;
3. Meningkatkan export untuk meningkatkanimbangan perdagangan; dan
4. Meningkatkan fleksibiliti fiskal untuk memastikan kedudukan fiskal mapan.

**SULIT**

**SOALAN: 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. MANSOR BIN ABD  
RAHMAN [ SIK ]**

**SOALAN : 25**

**YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [ Sik ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dengan keadaan era teknologi maklumat dihujung jari dan muatnaik dokumen dengan begitu mudah disebarluaskan dilaman sosial seperti Facebook, Whatsapp, Twitter dan lain-lain, berapa ramaikah yang telah dikenakan tindakan disebabkan membocorkan maklumat rahsia Kerajaan di bawah Akta Rahsia Rasmi.

**SULIT**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**

**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, seramai 8 individu telah dikenakan dan disabitkan kesalahan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 sejak ia dikuatkuasakan atas kesalahan membocorkan maklumat rahsia rasmi Kerajaan. Dalam hal ini, pendakwaan ke atas 2 individu masih lagi berjalan di Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar di bawah Seksyen 8 (1) (c) (iii), Akta 88 atas kesalahan menyimpan dalam milik atau kawalannya bahan sulit peperiksaan (merujuk kepada Kertas Soalan UPSR 2014) yang mana dia tidak berhak untuk menyimpannya.

Sekian. Terima kasih.